

# Seni bina Masjid lama Pelangai sarat falsafah



**Masjid yang didirikan dengan seni bina pengaruh Demak itu, ialah tinggalan sejarah yang sangat bernilai kerana wujud seiring dengan ulama tersohor Kuala Pilah ketika itu, Maulana Lebai Maadah Layang.**

**Mohd Rosli Saludin, Felo Penyelidik Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu**

**Penduduk harap bangunan dibaik pulih untuk digunakan sebagai tempat pengajian**

Oleh Amran Yahya  
bhagama@bh.com.my

**Kuala Pilah:** Masjid Lama Pelangai di sini bukan sahaja dibina secara gotong-royong penduduk pada 1910, bahkan menampilkan seni bina tradisi yang kaya dengan falsafah dan merakam sejarah penting termasuk ulama setempat.

Bagaimanapun, keadaan masjid usang yang terbiar lebih 50 tahun lalu itu, dibimbangi akan menyebabkan sejarah penting itu hilang, sekali gus mengulangi nasib beberapa tinggalan di daerah berkenaan.

Felo Penyelidik Kanan, Insti-

tut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Datuk Dr Mohd Rosli Saludin, berkata tindakan segera perlu diambil supaya masjid itu terus kekal sebagai bahan sejarah untuk diwarisi dan menjadi tatapan generasi akan datang.

"Sebagai contoh stesen kereta api lama dan Istana di Pekan Lama Kuala Pilah yang kini hanya menanti masa 'menyembah bumi' tanpa sebarang usaha untuk membaik pulih.

"Masjid yang didirikan dengan seni bina pengaruh Demak itu, ialah tinggalan sejarah yang sangat bernilai kerana wujud seiring dengan ulama tersohor Kuala Pilah ketika itu, Maulana Lebai Maadah Layang," katanya kepada Ibrah di sini.

Mohd Rosli berkata, Maulana Lebai Maadah ialah imam masjid itu, malah beliau turut membuka Sekolah Tinggi Islam Pelangai yang terletak bersebelahan Masjid Kariah Pelangai.

"Difahamkan, kos pembinaan masjid dan sekolah agama dibayar sepenuhnya oleh Yang di-Perutusan Besar Negeri Sembilan pertama, Almarhum Tuanku Abdul

Rahman. Selain itu, pemimpin Parti Komunis Malaya (PKM), Shamsiah Fakeh juga dikatakan pernah menuntut di sekolah agama ini yang dikendalikan Maulana Lebai Maadah yang juga anak jati daerah ini," katanya.

Mohd Rosli berkata, antara ilmu pernah diajar di sekolah agama dan masjid ialah ilmu saraf, nahu, tajwid, fiqh, akhlak, tafsir dan terjemahan Al-Quran, usul hadis, kitab hadis, tasawuf, ilmu berkhutbah atau bersyarah, bahasa Inggeris dan membaca al-Quran.

"Ketika zaman Almarhum Tuanku Muhammad dan Tuanku Abdul Rahman, Negeri Sembilan ketika itu amat terkenal kerana pengajian yang dibawa Maulana Lebai Maadah masuk sehingga ke Istana. Malah, Tuanku Abdul Rahman pernah bertitah di dunia ini kami tinggi tetapi di akhirat kelak Lebai lebih tinggi darjatnya," katanya.

Tambah Mohd Rosli, pembinaan Masjid Lama Pelangai ialah reka bentuk Melayu lama dan mempunyai maksud yang tersirat di sobalik reka bentuk.

"Sebagai contoh 'tujuh' anak mata tangga yang kini masih kukuh melambangkan ilmu yang diajar di masjid ini.

kukuh dan ini melambangkan kukuhnya ilmu yang diajar di masjid ini.

"Tujuh itu bermaksud tujuh petala langit dan tujuh petala bumi serta tujuh nafsu dalam kehidupan manusia melambangkan kebaikan.

"Selain itu, terdapat lima batang tiang gantung di tengah-tengah bumbung masjid melambangkan lima rukun Islam serta terdapat kolam air digunakan untuk berwuduk," katanya.

Ujarnya lagi, amat malang sekali sekiranya Masjid Lama Pelangai ini terbiar begitu sahaja sedangkan kesan sejarahnya amat besar sekali.

Sementara itu, penduduk tempatan, Ramli Johari, 64, berkata, Masjid lama Pelangai ini mula sepi setelah Masjid Kariah Pelangai yang baharu dibina pada 1968.

"Kami berharap agar Masjid lama Pelangai ini dapat dibangunkan semula demi untuk tatapan generasi baharu. Walaupun ia tidak berfungsi sebagai masjid tetapi ia boleh digunakan sebagai tempat untuk menuntut ilmu sama ada kanak-kanak atau orang dewasa," katanya.



"Tujuh" anak mata tangga yang kini masih kukuh melambangkan ilmu yang diajar di masjid ini.



Tiang gantung di tengah bumbung masjid melambangkan lima rukun Islam.



Keadaan Masjid Lama Pelangai semakin usang tanpa sebarang usaha untuk menaik taraf.